

SIARAN MEDIA

MSM PERKUKUH KOMITMEN KEMAMAPAN GULA

100% Sumber Gula Mentah daripada Inisiatif Gula NDPE Wilmar

Kuala Lumpur, 20 Januari 2023 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis negara dengan sukacitanya mengumumkan bahawa 100% gula mentah dalam produk jenama “Gula Prai” diperoleh daripada Inisiatif Gula NDPE Wilmar. Inisiatif Gula NDPE (Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Eksploitasi Manusia) bercita-cita untuk menjadikan pengeluaran tebu yang mampan alam sekitar dan meningkatkan taraf hidup individu yang terlibat. MSM bekerjasama dengan Wilmar Sugar Pte Ltd., sebagai sebahagian daripada komitmen untuk memacu kemajuan dalam meningkatkan kemampanan pengeluaran gula.

Matlamat bercita-cita tinggi ini menjadi kenyataan selepas MSM dan Wilmar Sugar memulakan usaha bersama untuk membantu dan menyokong satu sama lain dalam penubuhan rantaian bekalan gula yang mampan, dengan memeterai perjanjian pada Disember 2021 bagi membolehkan penyumberan gula mentah yang mampan dan untuk melindungi alam sekitar, buruh dan komuniti berdasarkan Polisi¹ Gula NDPE Wilmar sambil menggalakkan kemajuan dalam kecekapan operasi dan amalan terbaik.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata untuk memahami sepenuhnya sejauh mana kebolehlihatan dan kebolehesanan rantaian bekalan, salah satu teras Polisi Gula NDPE adalah memastikan penyumberan gula dipetakan ke semua kilang penapisan dan memerlukan maklumat khusus yang tersedia. Melalui pemetaan, tahap kebolehlihatan rantaian bekalan sepenuhnya dapat diperhatikan untuk membolehkan kebolehesanan sumber asal gula.

“MSM berbangga kerana selama lebih setengah abad, Gula Prai telah menjadi pilihan paling popular dan kekal sebagai pilihan ikonik dalam kalangan pengguna serta pemain industri makanan dan minuman di Malaysia sejak 1964. Bagi meraikan pencapaian ini, pembungkusan pengguna Gula Prai baharu akan tertera logo Gula NDPE,” kata Syed Feizal.

“MSM sentiasa berusaha untuk meningkatkan komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) kami dalam pengeluaran makanan dan memastikan kehadiran MSM sebagai penapis gula mampan bersepadu yang lebih kukuh di pasaran peringkat tempatan dan global. Melalui kerjasama dengan Wilmar Sugar, pemain utama dunia dalam komoditi gula dan inisiatif Gula NDPE, MSM dapat menzahirkan kemampanan dalam operasi dan perniagaan kami, dan yang paling penting ia bermula pada barisan pertama ekosistem rantaian bekalan produk kami – penyumberan gula mentah,” tambahnya.

Polisi Gula NDPE dilancarkan sebagai satu inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup individu yang terlibat dalam pengeluaran gula dengan menjadikan pengeluaran tebu mampan alam sekitar. Menurut Wilmar, Polisi Gula NDPE dibangunkan di berdasarkan perkongsian jangka panjang yang semakin mengembang dan membangun antara pembekal dan pembeli sambil menerima pakai pelbagai bahan dan program berkaitan kemampanan.



Pada masa ini, MSM mengendalikan dua kilang penapisan gula, satu di Prai, Pulau Pinang dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1.05 juta tan gula bertapis, kilang penapisan gula terbesar negara, dan di Tanjung Langsat, Johor dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1 juta tan gula bertapis dan sedia untuk meningkatkan pengeluarannya.

Wilmar Sugar mengendalikan perniagaan gula bersepadu merentasi keseluruhan rantaian nilai daripada perladangan tebu kepada pemprosesan, perdagangan dan pengeluaran produk pemanis. Ia mengendalikan kilang gula, loji penjanaan bersama, kilang penyulingan etanol dan penapisan gula di seluruh dunia, menghubungkan asal-usul dan destinasi utama melalui pasukan peneraju pasaran.

¹https://www.wilmar-international.com/docs/default-source/default-document-library/sustainability/policies/ndpe-sugar-policy.pdf?sfvrsn=9367bb03_2

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2021, MSM mengeluarkan sebanyak 895,222 tan gula bertapis, di mana 246,101 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM900 juta setakat 31 Disember 2021. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+603 2181 5018 ext. 154
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com